

04/11/2001

PM dan isteri saksikan teater

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menyaksikan pertunjukan pentas bertema Malim Kundang di Istana Budaya, di sini malam tadi.

Acara itu bermula dengan pelbagai lagu dan tarian yang dipersembahkan oleh kumpulan teater Indonesia Merentang Sayang.

Pertunjukan itu termasuk tarian Padusi, Idang Ramolai, Aceh serta persembahan vokal oleh artis Indonesia seperti Elly Kassim, Titiek Puspa, Muchin dan Titik Sandora.

Acara kemuncak ialah pementasan Malim Kundang, kisah anak yang melupakan ibunya.

Malim Kundang yang tidak mahu menerima ibunya selepas menjadi kaya bertukar menjadi batu kerana sumpahan ibunya.

Malim Kundang ialah versi Indonesia kisah budaya rakyat tempatan Si Tanggung dan akan dipentaskan di Istana Budaya sehingga Selasa.

(END)